

## **ABSTRAK**

Tujuan utama kajian tindakan ini adalah untuk mengkaji impak bacaan berkongsi pada pembaca-pembaca ESL lemah di tahun 3, yang berumur 8-9 tahun, di sebuah sekolah rendah di Bandar Kuala Lumpur. Tujuan kedua ialah mengkaji samaada murid tahun 3 suka membaca buku besar bersama guru dan rakan-rakan, serta mengkaji kehendak murid di dalam bilik darjah ketika mempelajari membaca. Instrumen yang digunakan ialah rakaman audio dan video pengajaran bacaan berkongsi, dan soal-selidik berbentuk menulis. 12 daripada 60 subjek di dapati sebagai pembaca lemah. Mereka telah mengambil bahagian dalam bacaan berkongsi dan data kefasihan mereka telah di kumpul. Kajian ini menunjukkan bahawa pembaca lemah boleh membaca dengan lebih fasih setelah mengambil bahagian dalam bacaan berkongsi. Kajian ini mendapati 94% daripada subjek suka membaca buku besar dan mahu guru mereka menjadi model pembaca. Saya mendapati bahawa bacaan berkongsi dengan buku besar sangat memanfaatkan semua pembaca, samaada yang lemah atau yang fasih.